
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008**

April 2008

HSI 243 – SEJARAH ASIA BARAT

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Sejauh manakah anda bersetuju bahawa penyebaran idea-idea *nasionalisme, rasisme dan romantisme* oleh golongan intelektual Turki seperti Yusof Ackura (1876-1933), Hüsyinzade Ali Bey (1864-1941) dan Zia Gokalp (1875-1924) menjadi faktor terpenting yang membawa kepada keruntuhan Empayar Turki-Uthmaniyyah pada era Sultan Abdul Hamid II?
2. Bincangkan prinsip-prinsip reformasi yang diperkenalkan oleh Mustafa Kemal Atatürk selepas pilihanraya Turki tahun 1935 dan kesannya terhadap kehidupan masyarakat Turki.
3. Huraikan dasar-dasar ekonomi Muhamad 'Ali Pasha di Mesir dan nilaiakan kejayaan dasar-dasar tersebut dalam mengukuhkan kedudukan keluarga Muhamad 'Ali dalam politik Mesir.
4. Galurkan secara kronologi fasa-fasa penting penubuhan Arab Saudi dan sejauh manakah kerjasama Ibnu Saud-Sheikh Muhammad 'Abdul Wahab memberi keuntungan politik kepada Dinasti Saud di Semenanjung Arabia.
5. Analisis secara kritis faktor-faktor yang mempengaruhi dasar luar British di Palestin sehingga tahun 1948.
6. "Peningkatan serangan gerila oleh pengganas Arab di sempadan Arab-Israel antara tempoh 1965 sehingga April 1967 dengan sokongan regim Parti Sosialis Ba'ath Syria sejak Februari 1966, menjadi faktor terpenting tercetusnya Perang Enam Hari 1967. Tindakan Israel hanyalah sebagai tindakbalas terhadap provokasi serangan para pengganas ini." (Hal Kosut)

Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?

7. Ketidakadilan sistem ekonomi Iraq yang dimonopoli oleh golongan *sādah, mutassarif* dan *chalabīs* telah menjadi faktor utama tercetusnya Revolusi Iraq pada 14 Julai 1958. Bahaskan.
8. Sejauh manakah persaingan politik antara golongan *Mawarina, Duruz* dan komuniti *Sy'iāh Ismai'liyyah* menjadi sebab utama tercetusnya perang saudara di Lubnan antara tempoh tahun 1975 hingga 1989?